

19 SEP 1997

Jerebu-Sarawak

JAWATANKUASA KESELAMATAN NEGERI DIGERAKKAN

KUCHING, 19 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sarawak digerakkan pagi ini berikutan perisytiharan keadaan Darurat Jerebu apabila keadaan jerebu semakin buruk.

Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud memanggil mesyuarat jawatankuasa itu sebaik menerima surat Perintah Darurat yang ditandatangani Perdana Menteri pagi ini.

Beliau juga mengumumkan menerusi RTM Kuching mengenai perisytiharan keadaan Darurat Jerebu oleh Perdana Menteri bagi negeri itu.

Keadaan darurat jerebu diisytiharkan selepas Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Kuching mencecah paras 600 pagi ini, jauh melebihi paras berbahaya antara 301 dan 500.

Bacaan malam tadi telah melebihi paras 400, dan memaksa kerajaan untuk mengumumkan penutupan semua sekolah hari ini.

Bacaan IPU di Kuching pada pukul 10 pagi hari ini ialah 635 dengan jarak penglihatan sejauh 200 meter sahaja, yang terburuk sejak jerebu melanda negeri itu sebulan lalu.

Abdul Taib berkata beliau menerima surat Perintah Darurat yang ditandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal pagi ini.

Pada pukul 10 pagi, Abdul Taib memanggil mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri di tingkat 19 Wisma Bapa Malaysia untuk menggerakkan pelan tindakan bagi mengendalikn keadaan darurat jerebu itu.

Beliau berkata darurat itu bukan darurat umum yang disebabkan oleh satu ancaman keselamatan tetapi adalah bagi tujuan melindungi kesihatan orang ramai dan untuk mencegah kemalangan daripada berlaku dengan banyaknya.

Malam tadi, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, mengisytiharkan bahawa semua sekolah dan tadika di negeri itu ditutup sehingga diberitahu kelak berikutan jerebu.

Abdul Taib juga berkata, semua jabatan dan agensi kerajaan dan sektor swasta boleh membenarkan pekerja mereka mengambil cuti tanpa rekod sehingga perintah itu ditarik balik.

Bagaimanapun, perkhidmatan penting dan syarikat-syarikat sektor swasta yang terbabit dalam pembekalan makanan dan minuman dan farmasi diarah dibuka.

Mereka harus menjual produk mereka pada harga biasa dan tidak mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan daripada keadaan itu.

Mereka harus menganggap operasi mereka sebagai satu perkhidmatan kepada rakyat sewaktu darurat, katanya.

"Darurat ini tidak bermakna ada perintah berkurung tetapi orang ramai dinasihatkan supaya berada dalam bangunan dan rumah dan meminimumkan pergerakan melainkan ada perkara mustahak yang perlu dibuat di luar," kata Abdul Taib.

Beliau berkata semua bentuk pembakaran terbuka telah diarah dihentikan dan kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang berbuat demikian.

Anggota polis dan tentera juga diminta membantu mengawasi keadaan dan mengambi tindakan tegas terhadap mereka yang terbabit dalam pembakaran terbuka.

"Keadaan kini sudah buruk dan kita tidak harus memburukkan lagi pencemaran kepada udara kita," katanya.

Beliau berkata syarikat-syarikat kuari juga diarah menghentikan kerja

dan perokok dinasihatkan supaya tidak membuang puntung rokok di merata tempat sehingga boleh menyebabkan kebakaran.

Beliau juga meminta bantuan Tuai Rumah dan ketua kampung untuk mengawasi kejadian pembakaran terbuka di kawasan mereka dan melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Abdul Taib berkata kerajaan negeri telah memohon kepada kerajaan persekutuan untuk menjalankan operasi pembenihan awan bagi membantu meredakan keadaan jerebu.

Tinjauan rambang di sekitar bandaraya pagi ini mendapati orang ramai menjalankan tugas masing-masing seperti biasa tetapi kebanyakan mereka mengambil langkah-langkah pencegahan dengan memakai topeng pelindung udara.

Sementara itu, Cats Radio, sebuah stesen radio swasta di sini menaja 10,000 topeng pelindung udara untuk diedarkan kepada orang ramai.

Topeng itu diserahkan kepada pengguna jalan raya yang dalam perjalanan ke tempat kerja oleh Datuk Bandaraya Kuching Utara, Haji Awang Ehsan Awang Joini, Ketua Daerah Polis Bandaraya Kuching ACP Kushaili Suut dan Ketua Pegawai Eksekutif Cats Radio, Dr Zuraidi Ishak. -- BERNAMA

OPP RDY AKD